



جایتن اکام اسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(45)

Tarikh: 24 Syawal 1446H
23 April 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh: 25 April 2025 / 26 Syawal 1446
Tajuk : "Ibadah Haji: Persiapan Rohani – Jasmani"

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

"PERAK SEJAHTERA 2030"



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"IBADAH HAJI: PERSIAPAN ROHANI - JASMANI"

25 April 2025 / 26 Syawal 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّين. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; mensyukuri setiap nikmat kurniaan Ilahi serta menginsafi bahawa kematian pasti berlaku. Mudah-mudahan dipermudahkan perhitungan kita di hadapan Rabbuljalil serta dihimpunkan kita dalam kalangan hamba Nya yang beriman. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: "IBADAH HAJI: PERSIAPAN ROHANI - JASMANI"

Firman Allah SWT, ayat 97 surah Ali-Imran:

﴿فِيهِءَاءِيَكُتُبٌ بَيْنَكُتُبٌ مَقَامٌ لِإِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ وَكَانَ إِمَانًا وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ ﴾
﴿إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ﴾

Bermaksud: Di situ terdapat tanda-tanda yang jelas (yang menunjukkan kemuliaannya) seperti Makam Ibrahim. Dan sesiapa yang memasukinya (Baitullah), dia akan berasa aman. Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu (bagi) orang yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkar akan kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajat sesuatu pun) daripada seluruh makhluk.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Ibadah haji merupakan Rukun Islam kelima yang wajib ditunaikan oleh umat Islam yang berkemampuan. Pada 29 April bersamaan 1 Zulkaedah, bermulalah penerbangan pertama jemaah haji dari Malaysia menuju ke tanah suci. Bersyukurlah bakal tetamu Allah yang terpilih menerima undangan Ilahi untuk mengerjakan rukun haji pada musim ini; didoakan semoga berjaya memperoleh haji mabrur. Alhamdulillah, Malaysia menerusi usaha kerajaan dan khazanah pengalaman pengurusan Lembaga Urusan Tabung Haji, mendapat pengiktirafan sebagai pengurusan jemaah haji terbaik di dunia.

Pelaksanaan ibadah haji berbeza berbanding ibadah lain kerana mempunyai syarat kemampuan (استطاعة). Kemampuan untuk melaksanakan ibadah haji bukan sekadar dari segi kewangan, bahkan diambil kira kemampuan pelbagai sudut, seperti mempunyai tubuh badan yang sihat, malah hendaklah dipastikan mempunyai bekalan mencukupi bagi tanggungan yang ditinggalkan sehingga dia kembali ke tanah air.

Bagi memastikan ibadah haji dapat dilaksanakan dengan penuh penghayatan, mimbar menyarankan persiapan rohani dan jasmani seperti berikut:

Pertama: Keikhlasan hati – Berniat menunaikan ibadah haji ikhlas semata-mata ingin mendekatkan diri kepada Allah SWT, di samping memelihara dan menjauhi hati dari sifat mazmumah seperti sifat riak ingin menunjuk-nunjuk, atau sifat ujub ingin memamerkan kemuliaan diri. Hayati firman Allah SWT ayat 196 surah Al-Baqarah:

وَأَتْمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةِ لِلَّهِ

Bermaksud: "Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah."

Kedua: bekalan ilmu yang mencukupi – sebelum berangkat ke tanah suci, amat penting untuk mengulang kaji serta mendalamai ilmu-ilmu berkaitan hukum hakam pelaksanaan haji, merangkumi rukun haji, perkara yang diwajibkan, perkara yang disunatkan, larangan dalam ihram dan sebagainya; agar ibadah yang dilakukan diterima oleh Ilahi. Sentiasa merujuk serta bertanya kepada mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman berkenaan haji.



Ketiga: Memohon keampunan – banyakkan bertaubat, memohon keampunan Allah SWT agar hati dibersihkan dari segala dosa, di samping memohon kemaafan ahli keluarga, sahabat handai, rakan taulan, rakan sekerja dan jiran tetangga.

Keempat: Memperbanyakkan amal ibadah – membiasakan diri melakukan amalan sunat seperti solat sunat, membaca al-Quran, bersedekah, berzikir dan sebagainya bermula dari tanah air. Kesempatan dan ruang masa semasa berada di tanah suci seharusnya digunakan sebaiknya oleh jemaah untuk melakukan sebanyak mungkin amal ibadah.

Kelima: Memelihara tutur kata dan tingkah laku – hendaklah sentiasa memelihara tutur kata dan tingkah laku sepanjang mengerjakan ibadah haji. Elakkan melakukan perkara dosa dan sia-sia untuk memperoleh ganjaran haji mabruur sebagaimana sabda Nabi SAW:

مَنْ حَجَّ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ خَرَجَ مِنْ ذُنُوبِهِ كَيْوُمٍ وَلَدْنَةً أُمَّهُ

Bermaksud: “Siapa yang menunaikan haji tanpa disertai perkataan buruk dan tidak berbuat kefasiqan (maksiat), maka dia kembali seperti saat dilahirkan ibunya.” (Hadis Riwayat Bukhari)

Selain persiapan rohani, jemaah haji juga dinasihatkan melakukan persiapan dari segi fizikal dan jasmani seperti berikut:

Pertama: Penjagaan kesihatan – **Jemaah** dinasihatkan menjaga kesihatan sebaiknya. Membawa keperluan ubat-ubatan asas serta melakukan pemeriksaan kesihatan untuk memastikan tubuh badan berada dalam keadaan sihat.

Kedua: Latihan fizikal dan kecergasan – Jemaah dinasihatkan melakukan latihan kecergasan seperti beriadah, bersenam dan berjalan kaki bagi meningkatkan ketahanan fizikal. Ibadah haji memerlukan pergerakan fizikal yang banyak; sebagai contoh, untuk menyempurnakan tujuh pusingan tawaf,



memerlukan masa antara 30 minit hingga satu jam; manakala untuk menyempurnakan sa'ie, memerlukan jemaah berjalan hampir tiga kilometer; sementara di Mina, jemaah perlu berjalan kaki hampir tujuh kilometer pergi dan balik selama empat hari, bermula 10 hingga 13 Zulhijah. Latihan pergerakan fizikal yang berterusan boleh membantu menguatkan otot dan memastikan jemaah tidak mudah penat ketika melaksanakan ibadah.

Ketiga: Persediaan mental dan emosi – ibadah haji memerlukan kekuatan mental dan emosi kerana bakal menghadapi cabaran cuaca panas, keadaan khemah yang sempit, kesesakan jemaah, dan keletihan. Kekalkan sikap berhemah serta bantu-membantu sesama jemaah. Banyakkan berdoa dan berzikir untuk menenangkan jiwa, serta memohon perlindungan dan kekuatan daripada Allah SWT. Insaflah! bahawa setiap ujian yang dihadapi, merupakan peluang untuk meningkatkan kesabaran dan keimanan.

Keempat: Persediaan kewangan yang mencukupi – menunaikan haji memerlukan pengurusan kewangan yang baik; sama ada perbelanjaan untuk ahli keluarga yang ditinggalkan, begitu juga keperluan perbelanjaan ketika berada di tanah suci. Jauhi sikap boros ketika berbelanja. Jemaah dinasihatkan menyelesaikan segala hutang piutang yang perlu disegerakan, sebelum menunaikan haji.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyenaraikan beberapa kesimpulan:

Pertama: Pelaksanaan ibadah haji mengabungkan amalan jasmani dan rohani. Jemaah perlu melakukan persiapan rapi untuk memenuhi dua amalan tersebut, di samping berdoa agar Allah SWT mempermudah kerja-kerja menyempurnakan rukun haji.



Kedua: Ummah yang belum menunaikan ibadah haji, hendaklah secara ikhlas dan bersungguh, berazam mahu melaksanakannya; disusuli dengan perancangan tabungan atau simpanan secara bijak lagi teratur. Bagi yang belum mendaftar haji, boleh lakukannya dengan mendaftar secara dalam talian di aplikasi *THiJARI* atau secara manual di kaunter Tabung Haji.

Ketiga: Direnungi dan dihayati hikmah pensyariatan ibadah haji; detik berkumpulnya umat Islam dari pelbagai penjuru dunia, terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan budaya atas ikatan tauhid kepada Ilahi; hatta mendidik umat Islam untuk sentiasa mengutamakan perpaduan ummah serta mengukuhkan ukhuwah Islamiah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلًا هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا⁷

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفَوْجَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ^{صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ}. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَنَا أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمَيْنَ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah! Ya Mujib! Limpahi rahmat Mu kepada para jemaah haji yang telah mendapat undangan Mu untuk berada di tanah suci pada musim ini. Kurniai mereka kesihatan yang baik, permudah segala urusan mereka, serta kurniai mereka haji yang mabrur.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا مَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَيْهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.